

TARIKH	RABU, 24 APRIL 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	MYSTARTUP TETINGKAP TUNGGAL BAGI EKOSISTEM SYARIKAT PEMULA MALAYSIA
M/S	23
BIDANG	MOSTI
KATA KUNCI	MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION, MYSTARTUP

Sidang Kemuncak KL20 2024

# MYStartup tettingkap tunggal bagi ekosistem syarikat pemula Malaysia

Berfungsi sebagai platform sehenti galak pertumbuhan ekosistem boleh diskala, inklusif dan mampan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan agensinya, Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle) melancarkan platform MYStartup sebagai tettingkap tunggal bagi ekosistem syarikat pemula atau startup di Malaysia.

Menterinya, Chang Lih Kang, berkata pengenalan MYStartup adalah usaha kerajaan untuk mengemudi landskap syarikat pemula di Malaysia dan menggalakkan pertumbuhan ekosistem yang boleh diskala, inklusif dan mampan.

Katanya, platform yang dikuasakan oleh kecerdasan buatan (AI) itu akan berfungsi sebagai platform sehenti yang menghubungkan semua pihak berkepentingan dalam ekosistem syarikat pemula di negara ini.

"MYStartup Single Window direka untuk memupuk kerjasama, inovasi dan jangkauan global, menawarkan maklumat yang teratur kepada pengasas, pelabur dan bakat teknologi seperti pencerahan dan sumber maklumat mengenai permulaan dan perkembangan syarikat pemula.

"Selain itu, ia menyediakan pangkalan data menyeluruh tentang semua syarikat pemula di Malaysia dan firma modal teroka (VC), mengandungi maklumat penting mengenai pembiayaan, butiran perniagaan dan status pengumpulan dana aktif yang dikemaskini secara berkala.

"MYStartup AI juga mengemudi pertanyaan berkaitan ekosistem startup Malaysia," katanya ketika melancarkan MYStartup di Sidang Kemuncak KL20 2024 di Kuala Lumpur, semalam.

Lih Kang berkata, ciri baharu itu juga membolehkan proses lancar dan teratur yang memantapkan kecekapan serta keberkesanan serta mengurangkan birokrasi.

#### Nadi inovasi

Katanya, komitmen kerajaan untuk memupuk perniagaan yang lancar di mana setiap usahawan pemula boleh berkembang dan berdaya saing.

"Syarikat pemula di Malaysia bukan hanya sekadar angka, ekosistem ini akan terus berkembang dengan hampir 4,000 syarikat yang menjadi nadi inovasi dengan penilaian keseluruhan melebihi AS\$5 bilion (RM23.89 bilion) ketika ini.

"Oleh itu, pelancaran platform MYStartup sebagai tettingkap tunggal adalah asas penting dalam perancangan strategik bagi mendorong Malaysia terus maju ke hadapan dan menjadikan negara ini salah sebuah ekosistem syarikat pemula terbaik dunia.

"Platform ini dilengkapi dengan teknologi AI dan akses yang lancar kepada pelbagai data mengenai syarikat pemula, pencerahan dan analisis serta sumber

yang menyokong perkembangan syarikat pemula," katanya.

Pada 2021, MOSTI melancarkan Pelan Hala Tuju Ekosistem Syarikat Pemula Malaysia (SUPER) 2021-2030 untuk memartabatkan Malaysia sebagai antara ekosistem startup terbaik dunia menjelang 2030, menasaskan 5,000 syarikat pemula yang memiliki berdaya saing menjelang 2025.

"MYStartup telah memupuk pertumbuhan ini dengan baik. Jumlah modal yang terkumpul dari 2019 hingga 2024 adalah sebanyak AS\$1.6 bilion (RM7.6 bilion) dengan 438 perjanjian dibuat.

"Aspirasi kerajaan adalah untuk menjadikan MYStartup sebagai platform pilihan yang akan memanfaatkan setiap pemegang taruh dalam ekosistem dan berfungsi sebagai gerbang utama kepada persekitaran syarikat pemula yang dinamik dan berkembang maju di Malaysia," katanya.

MYStartup ialah satu usaha kolektif oleh semua pihak pemegang taruh dalam ekosistem syarikat pemula yang bakal melonjakkan Malaysia secara keseluruhan.

MYStartup telah memupuk pertumbuhan ini dengan baik. Jumlah modal yang terkumpul dari 2019 hingga 2024 adalah sebanyak AS\$1.6 bilion (RM7.6 bilion) dengan 438 perjanjian dibuat



Chang Lih Kang,  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

DISEDIAKAN  
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM